

SINOPSIS

BIL 10/2025

coop
@ **MATTA FAIR**®

**SKM DAN FEDCOOP
MELAKAR SEJARAH
KOPERASI PELANCONGAN NEGARA**



Pavilion CO-OP menarik lebih **5,000 pengunjung** sepanjang tiga hari penganjuran, sekali gus mencatat perolehan melebihi RM240,000 hasil jualan dan tempahan secara langsung





CO-OP @ MATTA FAIR: SKM DAN FEDCOOP MELAKAR SEJARAH KOPERASI PELANCONGAN NEGARA

Industri pelancongan negara mencatat detik bersejarah apabila Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) buat pertama kalinya berganding bahu dengan Federasi Koperasi Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan Malaysia Berhad (FEDCOOP) bagi membawa 20 koperasi pelancongan dari seluruh negara menyertai MATTA Fair 2025 yang berlangsung dari 5 hingga 7 September 2025 di Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC), Kuala Lumpur secara bersepadu menerusi sebuah pavilion khas koperasi.

Penglibatan koperasi dalam MATTA Fair 2025 juga selari dengan usaha memeriahkan kempen Tahun Melawat Malaysia 2026 yang dilancarkan kerajaan. Melalui platform ini, koperasi pelancongan berpeluang mempromosikan produk dan pakej pelancongan mereka secara lebih meluas, sekaligus menyokong visi negara untuk meningkatkan kedatangan pelancong dan memacu industri pelancongan yang inklusif dan berdaya saing.

Berbeza dengan penyertaan terdahulu yang bersifat individu dan terpisah, penyertaan kali ini menggabungkan koperasi di bawah satu jenama dan strategi kolektif, menjadikan kehadiran mereka lebih tersusun, menyerlah dan berimpak tinggi. Usaha ini turut menjadi simbol komitmen SKM dalam mengangkat koperasi sebagai pemain utama dalam arus perdana industri pelancongan.



"Ini kali pertama SKM dan FEDCOOP berganding bahu membawa koperasi secara rasmi dalam satu pavilion di MATTA Fair. Ia adalah satu langkah besar untuk memperlihatkan kekuatan koperasi sebagai pemain sebenar dalam sektor pelancongan,"

– Leftenan Jeneral Datuk Ahmad Norihan Jalal (B), Pengerusi SKM



Turut hadir ialah Ketua Pegawai Eksekutif SKM, Noor Afifah Abdul Razak, yang menyifatkan program ini sebagai titik tolak kepada usaha lebih agresif dalam memperluas pengaruh koperasi di pasaran domestik dan antarabangsa.

Penglibatan koperasi dalam MATTA Fair membuka mata rakyat Malaysia bahawa koperasi bukan sahaja berperanan dalam bidang ekonomi tradisional, malah turut terlibat secara langsung dan aktif dalam sektor pelancongan. Ini sekaligus memperkukuh persepsi bahawa koperasi mampu menyumbang secara signifikan dalam memajukan industri pelancongan negara.



Sektor Koperasi Raih RM72 Juta: Bukti Potensi Besar

Menurut SKM, sehingga Disember 2024, lebih daripada 250 koperasi yang terlibat dalam sektor pelancongan, perhotelan dan rekreasi telah berjaya menjana pendapatan terkumpul sebanyak RM72 juta. Angka ini jelas membuktikan bahawa koperasi bukan lagi pemain kecil, malah berpotensi besar untuk menjadi antara penyumbang utama kepada pembangunan industri pelancongan negara.





Impak CO-OP @ MATTA Fair: Promosi, Jualan & Jaringan Strategik

Pavilion CO-OP menarik lebih 5,000 pengunjung sepanjang tiga hari penganjuran, sekali gus mencatat perolehan melebihi RM250,000 hasil jualan dan tempahan secara langsung. Sambutan menggalakkan ini memberi impak yang sangat positif kepada 20 koperasi yang terlibat, bukan sahaja dari aspek peningkatan pendapatan, malah turut memperkaya pengalaman, memperkukuh keyakinan, dan mengukuhkan peranan koperasi sebagai pemacu pelancongan yang mampan dan berdaya saing.

Program ini turut membuka peluang kepada koperasi untuk memperkukuh kerjasama rentas sektor bersama agensi pelancongan dan syarikat penerbangan, memperkenalkan pakej pelancongan komuniti yang unik serta kompetitif, di samping memperoleh pendedahan mendalam mengenai perkembangan dan tren semasa pasaran pelancongan global.





Aspirasi Masa Hadapan: Koperasi Sebagai Pemain Global

SKM menegaskan komitmen berterusan untuk memperkasa koperasi melalui peningkatan daya saing, latihan berterusan, inovasi, dan penjenamaan profesional. FEDCOOP pula berperanan sebagai penyelarar utama dalam menyatukan koperasi-koperasi pelancongan di bawah satu platform perniagaan yang lebih tersusun dan strategik.



“Kita mahu koperasi bukan hanya hadir, tetapi menonjol. MATTA Fair adalah permulaan - kita akan terus bimbing mereka untuk menjadi pemain global,”

– Leftenan Jeneral Datuk Ahmad Norihan Jalal (B), Pengerusi SKM





Perancangan Masa Hadapan

Melihat potensi besar ini, harapan disandarkan agar FEDCOOP memainkan peranan yang lebih proaktif sebagai pemudah cara strategik dalam membina jaringan kukuh antara koperasi-koperasi pelancongan di seluruh negara. Usaha ini bukan sahaja berupaya mewujudkan pakej pelancongan yang lebih menarik dan saling melengkapi, malah dapat meningkatkan daya saing koperasi di peringkat nasional dan antarabangsa.

Bagi memastikan pelaksanaan program seperti ini dapat dijadikan sebagai acara tahunan serta dapat dilaksanakan dengan lebih baik, FEDCOOP dicadangkan untuk berperanan sebagai ejen yang berunding dengan pelanggan di pavilion koperasi bagi memastikan pakej pelancongan koperasi terjual dengan lebih banyak. FEDCOOP wajar mendapat sejumlah peratusan jualan daripada pakej yang berjaya dijual daripada koperasi-koperasi yang menyertai pameran tersebut. Kerjasama sebegini lebih dekat dengan semangat prinsip koperasi dibawah prinsip kerjasama antara koperasi berbanding mencari pendapatan melalui 'rent seeking'.

Pada masa yang sama, inisiatif seperti ini juga membuka peluang kepada FEDCOOP untuk memperluas keanggotaan dalam kalangan koperasi pelancongan yang belum menyertai federasi, sekali gus memperkukuh peranannya sebagai sebuah federasi koperasi yang aktif, berpengaruh dan berpandangan jauh dalam memacu pembangunan sektor pelancongan koperasi secara menyeluruh.

